

Indeks pelopor petunjuk ekonomi merosot 2.1 peratus



Indeks Pelopor (IP) Malaysia merosot 2.1 peratus pada Jun 2023 dengan mencatatkan 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya, menunjukkan prestasi ekonomi yang sederhana pada suku keempat 2023, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

IP adalah instrumen yang digunakan untuk meramalkan hala tuju ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata penurunan dalam

import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain (-32.1 peratus) dan import benar semikonduktor (-19.5 peratus) menyumbang kepada prestasi yang perlahan.

Bagaimanapun, peningkatan dicatatkan oleh bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan (68.2 peratus), indeks perusahaan Bursa Malaysia (7 peratus) dan bilangan syarikat baharu didaftar (1.2 peratus).

"Pada masa sama, perubahan bulanan IP menurun 0.5 peratus pada bulan rujukan berbanding 1.7 peratus pada Mei 2023.

"Penurunan IP disokong oleh sumbangan negatif lima daripada tujuh komponen, terutama bilangan unit perumahan diluluskan (-0.5 peratus) dan import benar semikonduktor (-0.4 peratus)," katanya dalam kenyataan.

Mohd Uzir berkata melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Jun 2023, IP kekal di bawah trend 100 mata.

"Ini menunjukkan prospek ekonomi jangka pendek Malaysia berkemungkinan menyederhana, namun menjangkakan langkah dasar ekonomi akan mengimbangi cabaran dalam

ekonomi," katanya.

Merujuk senario ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mencatatkan pertumbuhan 1.6 peratus kepada 123.2 mata pada Jun 2023 berbanding 121.3 mata pada bulan sama tahun sebelumnya, didorong terutama oleh nilai caruman benar, KWSP (17.8 peratus).

Sebaliknya, prestasi bulanan IS pula menurun kepada negatif 0.9 peratus, dipengaruhi prestasi tidak memberangsangkan dalam semua komponen kecuali jumlah guna tenaga, pembuatan (0.1 peratus).

BERNAMA